

NSJ 9.10.2017 9

KOTA KINABALU: Pementasan teater 'Boneka Hidup' oleh 44 Ronin Stage di Auditorium Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) nyata mempunyai unsur pengajaran dan diadaptasikan daripada kisah perjalanan hidup seorang manusia.

Pengarah Produksi Stacy Ezra, 24 berkata cetusan idea untuk membuat teater tersebut adalah hasil buah fikiran 44 orang krew produksi yang merupakan pelajar Tahun 3, Program Seni Kreatif, pengkhususan teater, Fakulti Kemajuan, Seni dan Warisan (FKSW), Universiti Malaysia Sabah (UMS).

"Untuk sesi kali ini, seramai 20 orang krew kami terlibat dan bersama-sama memberikan buah tangan kami kepada semua penonton."

'Boneka Hidup' ini adalah teater kami yang sebelum ini kami telah persembahkan di peringkat UMS dan kali ini kami membawakannya ke Auditorium JKKN kerana kami ingin menonjolkan nilai-nilai moral yang dipersembahkan dalam jalan cerita kami," katanya ketika ditemui oleh New Sabah Times.

Stacy memberitahu bahawa pementasan teater tersebut merupakan kali pertama beliau berperanan sebagai seorang pengarah dan sebelum ini beliau pernah menjadi krew produksi, penulis skrip fiksi pendek dan beliau bercita-cita untuk meneruskan bakatnya dalam bidang pengarah teater.

"Memang saya kali pertama menjadi pengarah untuk pementasan teater dan saya merasakan, jiwa saya sangat mendalam apabila saya mula mendalami bidang lakonan teater dan pengarah teater."

"Sekiranya berpeluang, sudah pasti saya akan meneruskan usaha dan minat saya dalam bidang ini pada masa akan datang," katanya lagi.

'Boneka Hidup' merupakan pementasan teater yang menceritakan kisah seorang boneka yang berusaha untuk memujuk tuan besar iaitu pemilik tempat persembahan bonekanya.

"Kerakusan mengejar kemasyhuran dan kekayaan mampu mendorong seseorang membuat keputusan yang salah dan terjerumus ke lembah yang keji, oleh itu karya kami ini adalah bagi meneguhkan nilai murni yang mana perebutan pangkat, harta dan kekayaan adalah satu perkara yang amat buruk dan wajar diambil teladan," kata Stacy lagi.

Dalam pada itu, Stacy turut berkongsi bahawa kejayaan mereka sepanjang penghasilan dan latihan untuk penghasilan teater itu adalah kerana tunjuk ajar para pensyarah dan tutor di FKSW, UMS.

"Kami mendapat banyak tunjuk ajar dan ilmu bermanfaat untuk kami aplikasikan dalam pementasan teater dari tenaga pengajar kami, pensyarah dan tutor."

"Sesungguhnya kami sangat berterima kasih kepada mereka dan kami akan meneruskan usaha kami bagi mengekalkan mutu dan kualiti terbaik bagi seni pementasan teater," katanya.



KREW 'Boneka Hidup' selepas selesai pementasan teater mereka kelmarin di Auditorium JKKN.

BONEKA HIDUP

Adaptasi perjalanan kisah benar



DARI kiri: Eddie Rico, Stacy, Suriyati dan Alfariz.